

12 MAY 2001

Najib-Umno

TINDAKAN TEGAS SELARAS DENGAN TUNTUTAN TONJOLKAN IMEJ POSITIF

PEKAN, 12 Mei (Bernama) -- Tindakan tegas yang diambil terhadap anggota-anggota Umno yang mengamalkan politik wang, adalah selaras dengan tuntutan parti untuk menonjolkan imej positif kepada masyarakat.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, tindakan amaran dan saranan telah pun dilakukan sebelum ini dan sekarang ini adalah masa untuk menguatkuasakan ketetapan untuk membasmi politik wang.

Menurut beliau, penguatkuasaan ini juga akan menjadi isyarat kepada yang lain untuk tidak terlibat dalam kegiatan politik wang.

"Ini merupakan isyarat terakhir, selepas ini tiada lagi amaran. Kita akan terus mengambil tindakan," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Ekspo Pendidikan dan Kerjaya Negeri Pahang di sini, hari ini.

Ekspo tiga hari di Kolej Shah Putra itu dimuatkan dengan pelbagai aktiviti bagi membantu pelajar-pelajar mengetahui peluang melanjutkan pendidikan ke pusat pengajian tinggi dan juga pelbagai kerjaya yang ada.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, anggota-anggota parti perlu menerima dan menyokong tindakan tegas yang dikenakan terhadap pemimpin-pemimpin di bahagian mereka.

Menurut beliau, mereka yang tidak berpuas hati itu perlu bertenang dan berfikir mengenai kepentingan parti dan bukannya kepentingan individu.

Sementara itu ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mengenai kemungkinan menghentikan pemberian kontrak kepada ketua bahagian, Najib berkata, ianya bertujuan menyekat punca wang berlebihan untuk mengurangkan politik wang.

Menurut beliau, pemberian kontrak itu menarik ramai untuk bertanding bagi jawatan-jawatan tetapi juga masih ada yang bertanding untuk mencapai wawasan mereka bagi masyarakat Melayu.

-- BERNAMA

HIS PR